

6

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran dan Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Prestasi Eksport

Pendapatan eksport kasar Malaysia dijangka meningkat 7.6% kepada RM308.6 bilion pada tahun 1999, selepas mencatat pertumbuhan kukuh 29.8% pada tahun 1998. Peningkatan nilai eksport, dalam ringgit, yang semakin perlahan ini disebabkan oleh sebahagian besar daripada pendapatan eksport negara diurusniagakan dalam nilai dolar Amerika Syarikat (AS), memandangkan kadar pertukaran ringgit purata bulanan berbanding dengan dolar AS pada tahun 1998 mengalami susutnilai sebanyak 28.3%, tetapi nilai ringgit meningkat sebanyak 3.2% pada tahun 1999. Jumlah eksport telah pulih dengan ketara. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport, dalam nilai dolar AS meningkat 13.9% berbanding dengan penguncupan 11% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pendapatan eksport dalam nilai ringgit meningkat dengan lebih perlahan, iaitu 9% berbanding dengan pertumbuhan 37.8% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Bagi keseluruhan tahun 1999, pendapatan eksport dalam nilai dolar AS dijangka meningkat 11.1%, selepas menguncup 6.9% pada tahun 1998. Peningkatan ini disebabkan oleh pesanan jualan yang tinggi dari Amerika Syarikat (USA) dan Eropah serta peningkatan semula permintaan dari Asia Timur berikutan ekonomi rantau ini semakin pulih.


Eksport barangan perkilangan, dalam nilai ringgit, yang merupakan 85.4% daripada jumlah eksport, dijangka meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 10.6% kepada RM263.5 bilion pada tahun 1999 selepas meningkat dengan ketara, sebanyak 32.2% pada tahun 1998. Sementara itu, eksport komoditi pertanian utama dijangka berkurangan 15.4% kepada RM22.8 bilion pada tahun 1999, berbanding dengan peningkatan 33% pada tahun 1998. Ini terutamanya disebabkan oleh nilai eksport minyak kelapa sawit, getah dan

minyak isirung kelapa sawit yang berkurangan berikutan harga komoditi yang rendah. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport sektor perlombongan dijangka meningkat 4% kepada RM14.5 bilion pada tahun 1999 (1998: 1.2%), didorong oleh peningkatan pendapatan eksport petroleum mentah sebanyak 16.6%.

Eksport Barangan Perkilangan

Eksport barangan perkilangan dalam nilai ringgit terus meningkat walaupun pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 12.5% kepada RM173.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 1999, berbanding peningkatan 40.7% kepada RM153.9 bilion pada tempoh yang sama tahun 1998. Sungguhpun demikian, dalam nilai dolar Amerika Syarikat (AS), eksport barangan perkilangan meningkat dengan mendadak sebanyak 17.6% (Januari-Ogos 1998: -10.1%). Pemulihan kukuh eksport dalam dolar AS ini disebabkan peningkatan permintaan luar negeri ke atas separa konduktor serta kelengkapan dan peralatan elektronik berikutan pertumbuhan ekonomi AS yang berterusan dan pemulihan ekonomi-ekonomi Asia Timur. Pada masa yang sama, pendapatan eksport yang lebih tinggi dalam nilai dolar AS juga dicatatkan bagi keluaran-keluaran petroleum, keluaran kayu dan galian bukan logam serta tekstil, pakaian dan kasut. Justeru, sumbangan eksport barangan perkilangan telah bertambah lagi kepada 85.6% daripada keseluruhan eksport kasar dalam tempoh berkenaan (Januari-Ogos 1998: 82.9%). Pendapatan eksport daripada barangan perkilangan dijangka tetap stabil pada baki tempoh tahun ini. Dengan itu, eksport barangan perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan 10.6% dalam nilai ringgit bagi keseluruhan tahun 1999 (1998: 32.2%), sementara dalam nilai dolar AS meningkat lebih tinggi pada kadar 14% (1998: -5.2%).

Carta 6.1 Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber: Jabatan Perangkaan.

Dari segi komposisi eksport, industri elektronik, jentera dan perkakasan elektrik masih merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan pendapatan eksport perkilangan, iaitu 71.4%. Kumpulan eksport kedua terbesar ialah kimia dan keluaran kimia yang menyumbang 4.4% dan diikuti oleh eksport keluaran kayu (3.7%) serta tekstil, pakaian dan kasut (3.6%).

Mengenai haluan pasaran eksport barangan perkilangan, pasaran tradisi yang meliputi AS, Asia Tenggara, Asia Timur Laut dan Kesatuan Eropah (EU) secara keseluruhannya masih merupakan pasaran terbesar dan menyumbang hampir 90% kepada jumlah eksport barangan perkilangan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999. AS terus menjadi pasaran terbesar, menyumbang 26.7% kepada jumlah eksport selaras dengan peningkatan nilai beliannya sebanyak 15.4%. Rakan-rakan dagangan utama lain yang mencatatkan peningkatan permintaan ialah EU

dan Jepun, masing-masing sebanyak 13.3% dan 29.8%. Dengan itu, pembahagian pasaran EU bertambah kepada 16.8%, manakala Jepun 10.4%. Pada masa yang sama, eksport ke China meningkat dengan ketara sebanyak 41.8% walaupun sumbangan pasarannya hanya 1.9% sahaja. Eksport ke Hong Kong meningkat sedikit pada kadar 1.2% disebabkan kemelesetan negara ini pada suku tahun akhir 1998 serta suku tahun pertama 1999 dan, oleh itu, bahagian pasarannya menyusut kepada 5%. Peningkatan eksport ke Singapura, pasaran kedua terbesar, hampir tidak berubah pada kadar 0.7% serta menyumbang 17% kepada jumlah eksport barangan perkilangan.

Pendapatan eksport industri elektronik, jentera dan perkakasan elektrik dalam nilai ringgit terus meningkat 19.2% (Januari-Ogos 1998: 44%) kepada RM123.6 bilion pada tempoh lapan bulan pertama 1999. Dari segi nilai dolar AS, kadar pertumbuhan eksport adalah lebih tinggi, meningkat

Jadual 6.1
Eksport Barangan Perkilangan
(Januari-Ogos)


	<i>RM billion</i>				<i>AS\$ billion</i>		
	1999	1998 % Perubahan	1999 % Sumbangan		1999	1998 % Perubahan	1999
Elektronik, jentera dan perkakasan elektrik	123.6	44.0	19.2	71.4	32.5	-7.9	24.5
Tekstil, pakaian dan kasut	6.2	34.1	-0.7	3.6	1.6	-14.4	4.1
Keluaran kayu	6.4	6.0	15.2	3.7	1.7	-32.5	20.5
Keluaran getah	3.5	58.3	-10.2	2.0	0.9	1.1	-6.1
Makanan, minuman dan tembakau	3.6	42.6	0.1	2.1	0.9	-8.8	4.7
Keluaran petroleum	2.8	0.7	25.0	1.6	0.7	-36.1	31.3
Kimia, keluaran kimia dan plastik	7.7	41.2	-3.9	4.4	2.0	-9.6	0.3
Keluaran galian bukan logam	1.5	18.1	11.3	0.9	0.4	-24.4	16.2
Besi, keluli dan barangan perkilangan	5.2	64.4	-8.7	3.0	1.4	5.8	-5.0
Kelengkapan pengangkutan	3.2	45.5	-29.1	1.9	0.9	-6.0	-26.9
Barang-barang perkilangan lain	9.5	33.0	4.6	5.4	2.6	-17.3	9.5
JUMLAH	173.2	40.7	12.5	100.0	45.6	-10.1	17.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

kembali dengan kukuh sebanyak 24.5% (Januari-Ogos 1998: -7.9%). Perlonjakan eksport industri elektronik, jentera dan perkakasan elektrik disebabkan terutamanya oleh peningkatan 29.7% bagi produk elektronik seperti separa konduktor (16.1%) dan kelengkapan dan peralatan elektronik (44%). Peningkatan ketara jualan produk elektronik didorong oleh pertumbuhan kukuh ekonomi AS yang berterusan serta pemulihan ekonomi di rantau Asia, khususnya Jepun. Kuasa pendorong kepada

pertumbuhan eksport yang menggalakkan ini adalah dari peningkatan permintaan global bagi komputer dan kelengkapan komunikasi, perluasan penggunaan internet dan e-dagang serta usaha-usaha gigih bagi menangani masalah Y2K yang telah merangsang permintaan separa konduktor. Berikutan pemulihan ekonomi di Asia Timur, permintaan serantau khususnya dari Singapura, Jepun dan Taiwan, telah juga membantu menggalakkan eksport barangan elektronik.

Carta 6.2
Eksport Barangan Perkilangan Bulanan
(peratusan perubahan tahunan)



Jadual 6.2

**Haluan Utama Bagi Eksport Barangan Perkilangan
(Januari-Ogos)**

	1998			1999		
	RM juta	% Perubahan	% Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan
Amerika Syarikat	38,540	67.9	26.1	44,473	15.4	26.7
Singapura	28,048	19.5	19.0	28,243	0.7	17.0
Kesatuan Eropah	24,686	51.6	16.7	27,967	13.3	16.8
Jepun	13,295	19.6	9.0	17,260	29.8	10.4
Taiwan	6,075	25.0	4.1	8,424	38.7	5.1
Hong Kong SAR	8,303	23.1	5.6	8,407	1.2	5.0
Lain-lain	28,855	51.1	19.5	31,623	9.6	19.0
JUMLAH	147,802		100.0	166,397		100.0

* Termasuk SITC 1,5,6,7,dan 8
Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.3
Haluan Negara Utama Bagi Eksport Separa Konduktor
(Januari-Ogos)

Negara	1998		1999		
	RM juta	% Sumbangan	RM juta	% Sumbangan Tahunan	% Perubahan
Amerika Syarikat	11,595	31.7	12,664	29.8	9.2
Singapura	8,177	22.4	9,338	22.0	14.2
Taiwan	2,559	6.9	4,373	10.3	70.9
Jepun	2,574	7.0	3,120	7.3	21.2
Belanda	1,902	5.2	1,982	4.7	4.2
Hong Kong SAR	1,774	4.8	1,922	4.5	8.3
Jerman	1,844	5.0	1,514	3.6	-17.9
United Kingdom	1,304	3.6	1,214	2.9	-6.9
Lain-lain	4,854	13.3	6,336	14.9	30.5
JUMLAH	36,583	100.0	42,463	100.0	16.1

Sumber: Jabatan Perangkaan

Walau bagaimanapun, nilai eksport produk elektrik yang merangkumi keluaran elektrik pengguna dan perkakasan elektrik isirumah serta keluaran peralatan elektrik perindustrian dan perniagaan menguncup 4% (Januari-Ogos 1998: 35.4%) pada tempoh lapan bulan pertama 1999. Ini disebabkan pengurangan permintaan bagi televisyen (-5.4%) serta kelengkapan perakam dan pengeluar audio (-18.7%). Bagi perkakasan isirumah seperti mesin pembasuh, penyaman udara dan peti sejuk, nilai eksport merosot dengan mendadak sebanyak 22% (Januari-Ogos 1998: 54.2%) akibat permintaan yang kian lemah, khususnya dari Asia Timur. Begitu juga dengan eksport keluaran elektrik perindustrian dan perniagaan, merosot 1.8% (Januari-Ogos 1998: 35.4%) pada tempoh lapan bulan pertama 1999, manakala jentera dan kelengkapan elektrik perindustrian sebanyak 5.2% (Januari-Ogos 1998: 54.3%) berikutan pengurangan permintaan dan persaingan sengit di pasaran luar negeri.

Perolehan eksport industri **tekstil, pakaian dan kasut** merosot sedikit pada kadar 0.7% kepada RM6,179 juta dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 berbanding peningkatan 34.1% kepada RM6,222 juta pada tempoh yang sama tahun 1998. Walau bagaimanapun, dari segi nilai dolar AS, nilai eksport industri ini pulih sebanyak 4.1% setelah mencatatkan kemerosotan 14.4% pada tempoh yang sama tahun 1998. Kemerosotan eksport dalam nilai ringgit disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport tekstil asas pada kadar 7.2% (Januari-Ogos 1998: 32.5%). Ini berikutan sebahagiannya oleh langkah pengurangan pengeluaran pada tahun 1998 serta peningkatan permintaan dalam negeri. Namun begitu, perolehan eksport sektor kecil pakaian masih menggalakkan, meningkat 4.8% berbanding 37.8% pada tempoh yang sama tahun 1998. Sementara itu, pertumbuhan eksport bagi kasut melonjak 12% berbanding 6.4% pada tempoh yang sama tahun 1998.

Jadual 6.4
Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut
(Januari–Ogos)

	1998		1999		
	RM juta	% Sumbangan	RM juta	% Sumbangan	% Perubahan Tahunan
Tekstil	2,963.7	47.6	2,749.1	44.5	-7.2
Pakaian	3,070.2	49.3	3,219.0	52.1	4.8
Kasut	188.6	3.1	211.1	3.4	12.0
JUMLAH	6,222.5	100.0	6,179.3	100.0	-0.7
<i>Sumber:</i> Jabatan Perangkaan					

Jadual 6.5
Haluan Utama Bagi Eksport
Pakaian dan Aksesori Pakaian
(Januari–Ogos)

	1998		1999		
	RM juta	% Sumbangan	RM juta	% Sumbangan	% Perubahan Tahunan
Amerika Syarikat	1,597.5	52.0	1,744.8	54.2	9.2
Kesatuan Eropah	1,031.8	33.6	1,026.0	31.9	0.6
Hong Kong SAR	38.8	1.3	40.3	1.2	3.9
Singapura	128.9	4.2	151.4	4.7	17.5
Jepun	138.9	4.5	153.1	4.8	10.2
Lain-lain	134.3	4.4	103.3	3.2	-23.1
JUMLAH	3,070.2	100.0	3,218.9	100.0	4.8
<i>Sumber:</i> Jabatan Perangkaan					

Perolehan eksport **keluaran kayu** mencatatkan peningkatan dua angka sebanyak 15.2% (Januari-Ogos 1998: 6%) pada tempoh lapan bulan pertama 1999. Peningkatan mendadak ini disebabkan kenaikan harga kayu balak berikutan pengurangan bekalan akibat fenomena La Nina dan penguatkuasaan kawalan pembalakan di China selepas banjir besar pada pertengahan tahun 1998, serta pengurangan pengeluaran dari Indonesia. Eksport venir dan papan lapis yang menyumbang 60.4% kepada keseluruhan eksport keluaran kayu meningkat dengan ketara sebanyak 20.2% (Januari-Ogos 1998: -9.7%) dalam tempoh kajian. Peningkatan ini disebabkan harga eksport papan lapis yang lebih tinggi akibat kekangan bekalan serta pembelian kuantiti eksport yang besar oleh United Kingdom, Singapura dan Amerika Syarikat. Selaras dengan perkembangan ini, perolehan eksport perabot dan kelengkapan perabot juga telah meningkat 8.2% (Januari-Ogos 1998: 42.7%), manakala keluaran-keluaran perkilangan kayu lain seperti produk "*pane*" dan "*moulding*" meningkat 8.7% (Januari-Ogos 1998: 31.9%).

Perolehan eksport **keluaran getah** merosot 10.2% (Januari-Ogos 1998: 58.3%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 disebabkan kuantiti eksport yang rendah serta harga yang lemah. Sarung tangan getah masih merupakan item eksport terbesar, menyumbang lebih daripada 70% kepada keseluruhan eksport keluaran getah. Eksport sarung tangan getah dalam nilai ringgit merosot 8.3% (Januari-Ogos 1998: 58.4%) berikutan kejatuhan 50% harga eksport, walaupun kuantiti eksport naik 84.4% dalam tempoh yang sama. Pendapatan eksport tayar dan tiub telah berkurangan dengan lebih ketara pada kadar 17.2% (Januari-Ogos 1998: 101.4%) akibat kuantiti eksport yang rendah berikutan pengukuhan permintaan pasaran dalam negeri. Begitu juga bagi artikel getah seperti sarung perancangan keluarga dan "*catheters*" merosot 26% (Januari-Ogos 1998: 87.9%) pada tempoh yang sama akibat kejatuhan harga eksport.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 1999, eksport **keluaran makanan, minuman dan tembakau** sebagai satu kumpulan meningkat sedikit pada kadar tahunan 0.1% (Januari-Ogos 1998: 42.6%) kepada RM3.6 bilion. Ini dicerminkan sebahagian besarnya oleh kategori makanan, berkurangan 3.3% (Januari-Ogos 1998: 42.9%) disebabkan kerugian penilaian semula kadar pertukaran serta kurang permintaan dari Jepun

dan Hong Kong SAR. Namun demikian, prestasi eksport keluaran makanan yang kurang menggalakkan ini dapat ditampung oleh eksport keluaran minuman dan tembakau yang meningkat 16.9% dalam nilai ringgit (Januari-Ogos 1998: 41.5%) pada tempoh yang sama. Ini adalah berikutan peningkatan kuantiti eksport yang tinggi bagi minuman arak serta tembakau.

Hasil eksport **keluaran petroleum** meningkat dengan mendadak sebanyak 25% (Januari-Ogos 1998: 0.7%) dalam tempoh lapan bulan pertama 1999, walaupun pengeluaran dari kilang penapis minyak merosot 6.4% disebabkan kenaikan harga minyak, khususnya semenjak bulan Mac 1999. Keluaran petroleum telah menyumbang 1.6% kepada jumlah eksport barangan perkilangan pada tempoh berkenaan. Pasaran utama bagi keluaran petroleum masih lagi Jepun dan Singapura.

Eksport **keluaran industri kimia dan plastik** telah merosot 3.9% kepada RM7,676 juta dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 41.2%) disebabkan oleh kejatuhan eksport keluaran kimia organik, keluaran plastik berbentuk utama dan bukan utama pada kadar dua angka. Pengurangan perolehan eksport ini turut dipengaruhi oleh tumpuan utama pekilang-pekilang dalam memenuhi peningkatan permintaan tempatan dari industri-industri seperti industri elektronik, kelengkapan pengangkutan, makanan, tekstil serta kegiatan pembinaan selain daripada kerugian penilaian semula berikutan dengan pengukuhan nilai ringgit dalam tempoh berkenaan.

Sejajar dengan pemulihan ekonomi-ekonomi Asia Timur, permintaan luar bagi **keluaran galian bukan logam** telah meningkat dengan ketara sebanyak 11.3% (Januari-Ogos 1998: 18.1%) dalam nilai ringgit dan 16.2% (Januari-Ogos 1998: -24.4%) dalam nilai dolar AS dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Pendorong pertumbuhan ini ialah kenaikan mendadak eksport kapur, simen dan bahan binaan dibentuk, meningkat kukuh sebanyak 77.3% kepada RM184 juta (Januari-Ogos 1998: 149.6%) berikutan peningkatan 154% dalam kuantiti eksport daripada 65,705 tan metrik kepada 167,048 tan metrik. Begitu juga dengan eksport perkilangan bahan pembinaan tanah liat dan bahan refraktori serta perkilangan bahan galian, masing-masing meningkat 18.7% dan 16%. Walau bagaimanapun, eksport keluaran kaca

meningkat sedikit pada kadar 0.1% (Januari-Ogos 1998: 41.8%) disebabkan pengurangan pengeluaran dan persaingan sengit daripada pengeluar-pengeluar lain di rantau ASEAN.

Perolehan eksport **keluaran besi, keluli dan logam** dalam nilai ringgit menurun 8.7% (Januari-Ogos 1998: 64.4%) kepada RM5.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 1999. Penurunan ini disebabkan sebahagiannya oleh permintaan luar negeri yang lemah bagi tiub dan paip besi dan keluli, merosot dengan ketara sebanyak 55.7% daripada RM883 juta kepada RM391 juta. Namun demikian, eksport keluaran besi dan keluli leper meningkat dengan pesat sebanyak 252.4 % kepada RM307 juta, hasil daripada usaha-usaha berkesan oleh pengeluar keluli tempatan dalam menerokai pasaran luar negeri bagi menampung penguncupan mendadak permintaan pasaran dalam negeri. Pada masa yang sama, eksport keluaran logam bukan ferum tidak termasuk timah turut meningkat 9.8% (Januari-Ogos 1998: 54%), berikutan peningkatan eksport aluminium sebanyak 27.1%. Sebaliknya, eksport keluaran logam yang dibentuk menurun 4.7% (Januari-Ogos 1998: 41.3%) kepada RM1.9 bilion, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan permintaan luar yang ketara bagi keluaran-keluaran struktur besi, keluli dan aluminium.

Bagi eksport **kelengkapan pengangkutan**, nilai eksportnya menguncup dengan ketara sebanyak 29.1% kepada RM3,254 juta atau menyumbang 1.9% daripada jumlah eksport barangan perkilangan dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 setelah meningkat 45.5% pada tempoh yang sama tahun 1998. Nilai eksport kenderaan jalanraya serta alat ganti dan aksesori menurun 22.5% walaupun pengeluarannya meningkat dengan pesat sebanyak 48.6%. Pengurangan eksport ini disebabkan peningkatan permintaan dalam negeri dan harga antarabangsa yang rendah. Begitu juga dengan eksport kenderaan-kenderaan lain, termasuk pesawat udara dan kelengkapan kapal, bot dan struktur terapung yang mana meliputi kenderaan yang dieksport semula selepas pembaikan dan penyelenggaraan, nilainya merosot 32.2%.

Nilai eksport keluaran-keluaran perkilangan lain, meliputi peralatan fotografik, instrumen profesional dan saintifik, jam, barang kemas, alat permainan dan sukan serta pelbagai barangan lain, meningkat dengan sederhana sebanyak 4.6%

pada tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 33%). Peningkatan nilai eksport kategori ini sebahagiannya didorong oleh permintaan luar yang menggalakkan bagi keluaran instrumen profesional dan saintifik. Prestasi eksport ini mungkin lebih baik lagi sekiranya tidak mengambilkira kemerosotan 17.9% nilai perolehan eksport peralatan fotografik, keluaran optik dan jam, akibat harga yang lemah serta permintaan dari Hong Kong SAR dan Singapura yang lembap.

Eksport Komoditi Utama

Harga komoditi utama yang secara amnya kurang menggalakkan pada tahun 1999 dijangka akan mengurangkan pendapatan ekport sebanyak 8.8% kepada RM37,363.2 juta (1998: RM40,976.6 juta). Pendapatan daripada komoditi **pertanian** dijangka merosot 15.4% atau RM22,835.1 juta berbanding dengan pertambahan 33% pendapatan eksport pada tahun 1998. Ini sebahagian besarnya disebabkan harga getah dan minyak kelapa sawit yang rendah dimana kedua-duanya menyumbang sebanyak 70% daripada jumlah pendapatan eksport pertanian. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport daripada sektor perlombongan dijangka meningkat hasil daripada harga petroleum mentah yang bertambah baik terutama pada setengah tahun kedua tahun ini. Pendapatan eksport daripada sektor ini dijangka meningkat 4% kepada RM14,528.1 juta (1998: RM13,975.6 juta).

Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, jumlah eksport **minyak kelapa sawit** meningkat 11.6% kepada 5.48 juta tan metrik (Januari – Ogos 1998: 4.91 juta tan metrik) sementara pendapatan eksport dalam tempoh yang sama menurun 15.1% kepada RM9,735.5 juta (Januari – Ogos 1998: RM11,463.8 juta). Oleh kerana penurunan harga minyak kelapa sawit, pendapatan eksport daripada minyak kelapa sawit (termasuk mentah dan minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit stearin) bagi tahun ini akan berkurangan 22.4% kepada RM13,791.8 juta (1998: RM17,779.0 juta). Namun, memandangkan harga minyak kelapa sawit yang lebih bersaing berbanding dengan lain-lain minyak sayuran, jumlah eksport **minyak kelapa sawit** dijangka meningkat 9.1% kepada 8.20 juta tan metrik.

Jadual 6.6
Eksport Komoditi Utama

	1999*	% perubahan	1999 Januari - Ogos	% perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	8,200.0	9.1	5,475.8	11.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,681.93	-28.9	1,777.91	-23.9
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,791.8	-22.4	9,735.5	-15.1
Minyak isirong kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	564.0	2.0	370.9	7.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,770.92	-0.9	2,778.63	-1.3
Nilai (RM juta)	1,562.8	1.2	1,030.5	6.3
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	5,790	6.9	4,168	20.7
Nilai seunit (RM/meter padu)	396.77	15.2	395.50	16.3
Nilai (RM juta)	2,297.3	23.1	1,648.5	40.5
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,600	-3.1	1,720	-3.1
Nilai seunit (RM/meter padu)	957.92	1.8	946.61	0.0
Nilai (RM juta)	2,490.6	-1.4	1,628.2	-3.1
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	950.0	-3.9	650.2	-3.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	231.00	-19.2	233.11	-22.2
Nilai (RM juta)	2,194.6	-22.4	1,515.6	-25.1
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	21.0	13.0	15.4	17.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	18,380.95	-5.8	18,197.61	-7.3
Nilai (RM juta)	386.0	6.4	280.1	9.0
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	24.5	51.8	18.8	75.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	4,571.43	-21.8	4,644.46	-21.1
Nilai (RM juta)	112.0	18.7	87.4	38.2
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	17,974	-0.2	11,513	-1.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	487.02	16.8	437.66	0.2
Nilai (RM juta)	8,753.7	16.6	5,038.8	-1.4
Gas asli cecair (LNG)				
Kuantiti ('000 tan metrik)	14,900	1.6	10,115	4.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	355.83	-12.7	350.77	-18.5
Nilai (RM juta)	5,301.8	-11.4	3,548.0	-14.8
Timah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	23.0	2.8	15.8	-3.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	20,547.83	-5.1	20,297.92	-6.5
Nilai (RM juta)	472.6	-2.5	321.4	-9.7
Jumlah Nilai (RM juta)	37,363.2	-8.8	24,834.0	-8.9


* Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit stearin.

* Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Harga purata hantaran tempatan minyak kelapa sawit bagi sembilan bulan pertama tahun 1999 dicatatkan pada purata RM1,545.46 setan metrik, iaitu penurunan 35.3% apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1998 (Januari–September 1998: RM2,390.17 setan metrik). Penurunan yang ketara ini disebabkan permintaan eksport yang rendah daripada pengimport utama serta kilang penapis yang telah membuat pembelian hadapan, pengurangan duti eksport oleh Indonesia semenjak 1 Februari 1999 serta peningkatan penawarannya dan penurunan harga bagi semua minyak sayuran di pasaran Rotterdam. Walau bagaimanapun, pada pertengahan bulan Ogos, purata harga hantaran tempatan melonjak semula dan stabil antara RM1,225.50 hingga RM1,359.00 setan metrik, iaitu pemulihan daripada harga terendah RM983.50 setan metrik pada bulan Julai 1999. Perubahan harga ini berikutan dari peningkatan harga minyak kacang soya di Lembaga Perdagangan Chicago (CBOT) disebabkan spekulasi mengenai penurunan pengeluaran kacang soya disebabkan cuaca kering di Amerika

Carta 6.3
Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



Syarikat, kehadiran India, pengimport utama, dalam pasaran dan berita mengenai persetujuan negeri China menambah pengimportan minyak kelapa sawit Malaysia. Tinjauan dijangka baik menuju ke penghujung tahun disebabkan peningkatan permintaan daripada pengimport utama seperti Pakistan, Timur Tengah dan China untuk meningkatkan stok mereka bagi persediaan musim perayaan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya bagi tahun 1999, harga purata minyak kelapa sawit hantaran tempatan dijangka pada RM1,463.18 setan metrik, penurunan sebanyak 38.5% daripada harga purata RM2,377.50 setan metrik pada tahun 1998.


Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **minyak isirong kelapa sawit** meningkat 6.3% kepada RM1,030.5 juta (Januari – Ogos 1998: RM969.8 juta) daripada jumlah eksport sebanyak 370,883 tan metrik. Nilai seunit eksport menurun 1.3% dalam tempoh tersebut kepada RM2,778.63 setan metrik berikutan pertambahan penawaran. Jumlah pendapatan eksport daripada minyak isirong kelapa sawit pada tahun 1999 dijangka meningkat 1.2% kepada RM1,562.8 juta (1998: RM1,544.9 juta), mencerminkan kesan jumlah eksport yang lebih tinggi tetapi nilai seunit eksport yang rendah.

Kayu Kayan

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **kayu balak** meningkat 40.5% kepada RM1,648.5 juta (Januari – Ogos 1998: RM1,173.6 juta). Jumlah eksport meningkat 20.7% kepada 4.17 juta meter padu (Januari – Ogos 1998: 3.45 juta meter padu) dan nilai seunit eksport menambah 16.3% kepada RM396 semeter padu. Jangkaan pendapatan eksport pada tahun 1999 adalah berasaskan permintaan yang kukuh daripada Jepun dan Korea Selatan yang ekonominya sekarang mulai pulih. Oleh itu, pendapatan daripada kayu balak dijangka meningkat 23.1% kepada RM2,297.3 juta, dengan disokong oleh peningkatan dalam jumlah eksport sebanyak 6.9% kepada 5.79 juta meter padu dan 15.2% peningkatan dalam nilai seunit eksport kepada RM397 semeter padu. Walau bagaimanapun, dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **kayu gergaji** menurun 3.1% kepada RM1,628.2 juta (Januari – Ogos 1998: RM1,680.5 juta) dengan jumlah eksport menurun 3.1% kepada 1.72 juta meter padu. Bagi keseluruhan tahun 1999,

Carta 6.4

Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Nilai Seunit




pendapatan eksport daripada kayu gergaji dijangka menurun 1.4% kepada RM2,490.6 juta disebabkan penurunan 3.1% dalam jumlah eksport sebanyak 2.60 juta meter padu manakala nilai seunit eksport dijangka meningkat 1.8% kepada RM957.92 meter padu, iaitu mencerminkan prestasi harga yang lebih baik menuju ke penghujung tahun ini.

Getah

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **getah** merosot dengan ketara sebanyak 25.1% kepada RM1,515.6 juta (Januari – Ogos 1998 : RM2,022.9 juta) sementara jumlah eksport menurun 3.8% kepada 650,189 juta tan metrik (Januari – Ogos 1998: 675,544 tan metrik). Harga purata Getah Asab Berbunga 1 (G.A.B.1) bagi sembilan bulan pertama pada tahun 1999 merosot 18.4% kepada 233.39 sen/kg berbanding dengan 285.86 sen/kg yang dicapai pada tempoh yang sama tahun 1998. Penurunan harga getah dipengaruhi oleh stok yang banyak dirantau ini dan permintaan yang

Carta 6.5
Getah - Eksport dan Harga



lembab daripada negara-negara pengguna. Walau bagaimanapun, harga dijangka mengukuh menjelang hujung tahun apabila penawaran dijangka akan terganggu akibat cuaca lembab. Oleh itu, harga purata getah asli berbunga (G.A.B. 1) menurun 16.9% kepada 233.25 sen/kg pada tahun 1999 (1998: 280.54 sen/kg). Begitu juga dengan harga purata Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) dijangka merosot 14% kepada 222.70 sen/kg (1998: 259.00 sen/kg). Pendapatan eksport daripada getah dijangka menurun 22.4% kepada RM2,194.6 juta (1998: RM2,828.8 juta) sebahagian besarnya disebabkan oleh penawaran yang berlebihan di pasaran dunia dan permintaan yang lembab yang boleh menyebabkan jumlah eksport merosot sebanyak 3.9% kepada 0.95 juta tan metrik (1998: 0.99 juta tan metrik).

Lain-lain Komoditi Pertanian

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **biji koko** bertambah pada kadar tahunan sebanyak 38.2% kepada

RM87.4 juta disebabkan peningkatan jumlah eksport sebanyak 75.1% atau 18,825 tan metrik. Walau bagaimanapun, nilai seunit eksport menurun 21.1% kepada RM4,644.46 setan metrik yang mencerminkan permintaan dan penggunaan yang lembab serta peningkatan penawaran di pasaran antarabangsa terutama daripada negara-negara Afrika. Oleh itu, pendapatan eksport bagi komoditi ini pada tahun 1999 dijangka meningkat 18.8% kepada RM112.0 juta (1998: RM94.3 juta) dengan jangkaan pertambahan dalam jumlah eksport sebanyak 51.8% kepada 24,500 tan metrik sementara nilai seunit eksport menurun 21.8% kepada RM4,571 setan metrik.


Berkaitan dengan **lada**, pendapatan eksport bagi lapan bulan pertama tahun 1998 meningkat 9% kepada RM280.1 juta (Januari-Ogos 1998: RM256.9 juta). Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan penawaran lada oleh kerana Indonesia salah sebuah pengeluar utama telah dilanda oleh La Nina dan hujan lebat yang menjejaskan tumbuhan tersebut dari berbunga. Pendapatan eksport bagi tahun ini dijangka meningkat 6.4% kepada RM386.0 juta daripada jumlah eksport sebanyak 21,000 tan metrik (1998: RM362.6 juta).

Petroleum Mentah dan Gas Asli Cecair

Pendapatan eksport daripada **petroleum mentah** dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, merosot 1.4% kepada RM5,038.8 juta, terutama disebabkan arah aliran harga petroleum mentah yang menurun kerana penawaran yang berlebihan di pasaran dunia. Walau bagaimanapun, pendapatan daripada petroleum mentah adalah dijangkakan meningkat sebanyak 16.6% kepada RM8,753.7 juta (1998: RM7,509.8 juta) oleh sebab harga yang menggalakkan pada setengah tahun kedua tahun ini. Ini berlaku walaupun, jumlah eksport dijangka berkurangan 0.2% kepada 17.974 juta tan metrik berikutan daripada pengurangan pengeluaran.

Harga Purata Wajaran (HPW) bagi petroleum mentah Malaysia yang berasaskan harga eksport bagi semua petroleum mentah Malaysia telah menurun 2.7% kepada AS\$14.33 setong pada tujuh bulan pertama tahun 1999 (Januari – Julai 1998: AS\$14.73 setong). Penurunan ini disebabkan penawaran yang berlebihan di **pasaran dunia**,

Carta 6.6
Petroleum Mentah - Eksport dan Harga




berikutan dari permintaan yang lemah daripada negara-negara Asia Timur yang dilanda krisis ekonomi dan musim sejuk yang singkat. Walau bagaimanapun, dengan usaha gigih negara-negara OPEC dan bukan OPEC dalam mengurangkan pengeluaran kepada 2.25 juta tan metrik sehari semenjak 1 April 1999 untuk mengurangkan penawaran, harga petroleum mentah telah bertambah baik dan kukuh, berikutan pertambahan permintaan bagi petroleum mentah dan gasolin daripada Amerika Syarikat ekoran masalah yang dihadapi oleh kilang penapis minyaknya akibat kebakaran dan ribut taufan; pertambahan import daripada negara Asia Utara; dan juga ketidakstabilan di Nigeria. HPW dijangka mengukuh pada bulan-bulan berikutnya pada tahun ini memandangkan permintaan petroleum mentah dunia diramalkan meningkat bagi penambahan stok bagi persediaan musim sejuk di hemisfera utara barat. Oleh itu, HPW dijangka meningkat lebih tinggi sebanyak 46.5% kepada AS\$19.67 setong, berbanding dengan tempoh yang sama

pada tahun 1998 (Ogos-Disember 1998: AS\$13.43 setong). Bagi keseluruhan tahun 1999, HPW dijangka pada paras AS\$17.00, peningkatan sebanyak 19.8% daripada paras tahun 1998 iaitu AS\$14.19 setong.

Pendapatan eksport daripada **Gas Asli Cecair** (LNG) pada tahun 1999 dijangka merosot 11.4% kepada RM5,301.8 juta (1998: RM5,981.3 juta), ekoran daripada penurunan 12.7% dalam nilai seunit eksport kepada RM355.83 setan metrik (1998: RM407.72 setan metrik) sejajar dengan harga petroleum mentah yang rendah. Penurunan pendapatan eksport bagi keseluruhan tahun ini dijangkakan tidak meruncing memandangkan pada lapan bulan pertama tahun 1999 penurunan hanya 14.8% kepada RM3,548.0 juta. Ini disebabkan jangkaan pemulihan ekonomi yang kukuh di Korea Selatan dan Jepun yang akan meningkatkan jumlah eksport dan nilai seunit eksport gas asli cecair pada separuh tahun kedua tahun ini.

Carta 6.7
Timah - Eksport dan Harga



Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, pendapatan eksport daripada **timah** merosot 9.7% kepada RM321.4 juta (Januari – Ogos 1998 : RM355.9 juta). Ini berasaskan penurunan 3.4% dalam jumlah eksport kepada 15,833 tan metrik (Januari – Ogos 1998: 16,394 tan metrik) dan harga timah yang lemah. Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur bagi sembilan bulan pertama tahun 1998 merosot 8.5% kepada RM19.80 sekilogram berbanding dengan RM21.67 sekilogram pada tempoh yang sama tahun 1998. Bagi baki bulan tahun 1999, harga purata dijangka stabil pada sekitar RM19.50 sekilogram hingga RM20.50 sekilogram. Pendapatan eksport daripada timah dijangka menurun 2.5% kepada RM472.6 juta akibat kejatuhan dalam nilai seunit eksport sebanyak 5.1% kepada RM20,547.83 setan metrik. Pendapatan eksport yang rendah dari segi ringgit, sebahagiannya mencerminkan kesan penilaian semula kadar pertukaran matawang. Pada amnya, permintaan dan penawaran di pasaran dijangka stabil oleh kerana tiada tanda-tanda ketidakseimbangan yang nyata pada tahun 1999.

Import Barangan

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, import kasar barangan, yang dinilai dengan kos fret dan insurans (c.i.f.), mencatat peningkatan 2% kepada RM156.2 bilion (Januari-Ogos 1998:11.5%) atau peningkatan 6.5% kepada AS\$41.1 bilion (Januari-Ogos 1998: -28.7%). Peningkatan import dalam nilai AS mencerminkan pemulihan dalam jumlah eksport. Pada amnya, harga import masih rendah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999. Ini digambarkan oleh pengurangan Indeks Harga Pengeluar bagi import sebanyak 0.9%, berbanding dengan peningkatan 11%% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar daripada jumlah import terdiri daripada barangan perantaraan, yang merupakan 73.3% daripada jumlah import, manakala import barangan modal sebanyak 13.3% dan import barangan penggunaan sebanyak 6.1% (sila lihat jadual 6.7).

Import kasar barangan, dalam nilai ringgit dijangka meningkat pada kadar tahunan yang lebih pesat, iaitu 5.5% kepada RM240.9 bilion pada

Jadual 6.7

Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC) (Januari-Ogos)

	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Barangan Modal	26.6	20.7	-10.3	-20.4	17.0	13.3
Barangan Perantaraan	106.6	114.5	20.3	7.4	69.6	73.3
Barangan Penggunaan	8.7	9.5	1.5	9.2	5.7	6.1
Lain-lain (termasuk barang dua guna)	5.3	5.9	-24.4	11.3	3.4	3.7
Import untuk dieksport semula	6.6	5.6	55.6	-15.1	4.3	3.6
JUMLAH	153.2	156.2	11.5	2.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

tahun 1999 (1998:3.3%). Sementara itu, dalam nilai AS, import dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat, iaitu 8.9% selepas menguncup dengan ketara, sebanyak 25.9% pada tahun 1998. Perbezaan kadar perubahan tahunan nilai import dalam nilai ringgit dan nilai AS disebabkan oleh harga import yang tinggi pada tahun 1998 berbanding dengan tahun 1999. Ini disebabkan oleh perbezaan kadar penyusutan nilai ringgit pada tahun 1998 dan nilai ringgit yang meningkat pada tahun 1999 berbanding dengan nilai AS memandangkan kira-kira 80% daripada import negara diurusniagakan dalam nilai AS. Peningkatan import mencerminkan jumlah import barangan perantaraan dan penggunaan yang tinggi. Import barangan perantaraan yang merangkumi 73% daripada jumlah import, dijangka meningkat 9.9% kepada RM175.8 pada tahun 1999 (1998:9.8%). Ini terutamanya disebabkan oleh pengeluaran sektor perkilangan yang semakin pulih. Sementara itu, import barangan penggunaan dijangka meningkat 6.2% kepada RM14 bilion pada tahun 1999 (1998: -6.1%), didorong oleh perbelanjaan dalam negeri ke atas barangan penggunaan oleh sektor awam dan swasta yang tinggi. Walau bagaimanapun, import barangan modal yang merupakan 13.5% daripada jumlah import dijangka terus berkurangan sebanyak 10.5% kepada RM32.5 bilion, selepas menguncup sebanyak 15.1% pada tahun 1998. Ini mencerminkan pembentukan modal tetap yang rendah disebabkan lebih kapasiti yang berterusan, terutamanya bagi industri berorientasikan pasaran dalam negeri.

Barangan Modal

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, import **barangan modal** terus berkurangan 20.4% kepada RM20.7 bilion, selepas mencatat penguncupan sebanyak 10.3% dalam tempoh yang sama tahun 1998 (sila lihat jadual 6.8). Ini terutamanya disebabkan oleh penguncupan import kelengkapan pengangkutan untuk tujuan perindustrian yang ketara, sebanyak 49% berikutan import kelengkapan pengendalian mekanikal yang berkurangan dengan ketara, sebanyak 46.5%. Pada masa yang sama, import barangan modal lain (tidak termasuk kelengkapan pengangkutan) yang merupakan 87.4% daripada import barangan modal, menguncup 13.4% kepada RM18.1 bilion (Januari-Ogos 1998: -8.1%), terutamanya disebabkan oleh import kapal terbang dan alat ganti serta kapal dan bot yang berkurangan dengan

ketara. Selain itu, import jentera pertukangan logam serta loji elektrik berputar dan alat ganti juga berkurangan dengan ketara. Penguncupan ini menggambarkan pembentukan modal tetap yang berkurangan dalam tempoh tersebut disebabkan oleh pengeluaran yang lembap.

Jadual 6.8
Import Barangan Modal Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC) (Januari-Ogos)

	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1998	1999	1998	1999
Barangan Modal (tidak termasuk kelengkapan pengangkutan)	20.9	18.1	-8.1	-13.4
Alat kelengkapan pengangkutan, perusahaan	5.1	2.6	-18.4	-49.0
JUMLAH	26.0	20.7	-10.3	-20.4
<i>Sumber:</i> Jabatan Perangkaan				

Barangan Perantaraan

Berikutan pengeluaran sektor perkilangan kembali pulih dengan mencatat peningkatan pertumbuhan tahunan 6.4% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, import **barangan perantaraan** terus meningkat sebanyak 7.4% kepada RM114.5 bilion dalam tempoh tersebut (sila lihat Jadual 6.9). Import injap dan tiub termionik yang menyumbang kira-kira 40.7% daripada import barangan perantaraan, mencatat peningkatan 12.3% terutamanya disebabkan oleh peningkatan pesanan jualan industri elektronik dari luar negeri dalam tempoh tersebut. Import bahan mentah bagi industri makanan dan minuman meningkat 16.7% dalam tempoh tersebut, mencerminkan jumlah peningkatan ketara industri makanan 15.9% dalam tempoh lapan bulan pertama

tahun 1999. Walau bagaimanapun, import bahanapi dan pelincir yang diproses berkurangan 4.2% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, manakala import bahan mentah dan komponen bagi industri serta import barangan dan komponen untuk diproses dalam industri makanan dan minuman turut mencatat pengurangan masing-masing sebanyak 2.9% dan 7.1%.

Jadual 6.9

Import Barangan Perantara Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC) (Januari-Ogos)

	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1998	1999	1998	1999
Makanan & minuman, utama, khusus untuk industri	1.2	1.4	33.8	16.7
Makanan & minuman, diproses, khusus untuk industri	1.4	1.3	37.5	-7.1
Bekalan Perindustrian, utama	3.4	3.3	3.7	-2.9
Bekalan Perindustrian, diproses	30.8	33.8	-2.0	9.7
Bahanapi dan pelincir, utama	0.7	1.3	35.0	85.7
Bahanapi dan pelincir lain, diproses	2.4	2.3	3.8	-4.2
Alat ganti & aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan), termasuk injap dan tiub termionik	65.4	69.3	39.7	6.0
Alat ganti & aksesori untuk alat kelengkapan pengangkutan	1.3	1.8	-44.5	38.5
JUMLAH	106.6	114.5	20.3	7.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barangan Penggunaan

Import **barangan penggunaan** meningkat dengan kadar yang lebih pesat, iaitu 9.2% kepada RM9.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998:1.5%), didorong oleh penggunaan dalam negeri yang tinggi, yang sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan pendapatan bolehguna, prospek pekerjaan yang lebih baik yang membantu meningkatkan keyakinan pengguna serta memulihkan kekayaan kewangan penggunaan berikutan peningkatan harga-harga saham. Antara import barangan pengguna yang kembali pulih dengan mencatat pertumbuhan ketara ialah import barangan tahan lama seperti jam tangan dan jam dinding, kelengkapan senifoto serta kelengkapan pengangkutan bagi kegunaan bukan perusahaan (sila lihat Jadual 6.10).

Jadual 6.10

Import Barangan Penggunaan Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC) (Januari-Ogos)

	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1998	1999	1998	1999
Makanan & minuman, utama, khusus untuk penggunaan isirumah	1.2	1.4	10.0	16.7
Makanan & minuman, diproses, khusus untuk penggunaan isirumah	2.52	2.51	15.8	-0.4
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perusahaan	0.02	0.05	-80.0	150.0
Barang pengguna lain	5.0	5.6	0.7	12.0
Barang tahan lama	0.7	1.0	-25.0	42.9
Barang separa tahan lama	1.9	2.0	1.9	5.3
Barang tidak tahan lama	2.4	2.6	7.3	8.3
JUMLAH	8.7	9.5	1.5	9.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

Import **barang-barang lain** (termasuk barang dua guna) meningkat 13.5%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan import barang dua guna yang terdiri daripada bahanapi dan pelincir yang diproses, alat kelengkapan pengangkutan dan kereta penumpang sebanyak 122.2% kepada RM2 bilion.

Jadual 6.11

Import Barangan Lain Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC) (Januari-Ogos)

	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1998	1999	1998	1999
Barang dua guna	2.5	3.1	-34.6	24.0
Bahanapi & minyak pelincir, diproses	1.6	1.1	36.9	-31.3
Alat kelengkapan pengangkutan, motokar penumpang	0.9	2.0	-66.1	122.2
Lain-lain	2.7	2.8	-12.9	3.7
JUMLAH	5.2	5.9	-24.4	13.5
<i>Sumber: Jabatan Perangkaan</i>				

Import untuk dieksport semula seperti enjin ombok pembakaran dalaman dan kelengkapan loji kejuruteraan awam dan kontraktor awam, yang merangkumi 3.6% daripada jumlah import, menguncup 15.1% kepada RM5.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998:55.6%). Selepas mengambilkira import untuk dieksport semula, import sebenar meningkat 2.7% kepada RM150.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998:10.1%).


Haluan Perdagangan

Jumlah perdagangan Malaysia terus berkembang sebanyak 5.8% kepada RM358.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun

1999 (Januari-Ogos 1999:24.4%). Peningkatan ini selaras dengan persekitaran ekonomi dunia yang semakin baik, terutamanya di Asia Timur dan pemulihan sektor elektronik yang menguntungkan sektor eksport serta pemulihan permintaan dalam negeri yang menyebabkan import yang tinggi. Eksport kasar yang dinilai dengan f.o.b., yang merupakan 56.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 9% kepada RM202.4 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998:37.8%). Pada masa yang sama, import kasar yang dinilai dengan c.i.f. yang merupakan 43.6% daripada jumlah perdagangan, meningkat 2% kepada RM156.2 bilion dalam tempoh tersebut (Januari-Ogos 1998:11.5%). Memandangkan nilai eksport melebihi import, Malaysia mencatat lebihan yang besar, iaitu RM46.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, berbanding dengan lebihan RM32.5 bilion pada tempoh yang sama tahun 1999. Amerika Syarikat (AS), Jepun, Singapura dan Kesatuan Eropah (EU) kekal sebagai rakan dagangan Malaysia yang utama, iaitu merangkumi 64.8% daripada jumlah perdagangan. Perdagangan dengan Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR, terus berkembang, iaitu merupakan 12.5% daripada jumlah perdagangan.

AS kekal sebagai rakan dagangan Malaysia yang terbesar dengan jumlah perdagangan sebanyak RM73.94 bilion atau 20.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999. Jumlah perdagangan dengan AS berkembang 3% berbanding dengan pertumbuhan 53.1% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Eksport meningkat 14.7% kepada RM46.11 bilion, iaitu 22.8% daripada jumlah pendapatan eksport, manakala import berkurangan 11.9% kepada RM27.83 bilion, iaitu menyumbangkan 17.8% daripada jumlah import. Justeru itu, Malaysia mencatat lebihan perdagangan yang besar, iaitu RM18.28 bilion (Januari-Ogos 1998: RM8.58 bilion). Eksport utama ke AS adalah jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, terutamanya jentera dan perkakas elektrik, mesin kegunaan pejabat dan kelengkapan memproses data automatik, yang merupakan 80.3% daripada jumlah eksport ke AS. Import dari AS terutamanya terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, termasuk jentera dan perkakas elektrik, yang merupakan 76.6% daripada jumlah import dari AS.

Carta 6.8
Haluan Perdagangan
(Januari - Ogos 1999)



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber: Jabatan Perangkaan.

Jumlah perdagangan dengan **Jepun** terus meningkat 8% kepada RM55.24 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 6.4%), iaitu merupakan 15.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Import meningkat 5.3% kepada RM32.12 bilion. Sepertimana yang ditunjukkan dalam carta 6.1, import dari Jepun menyumbangkan kira-kira 20.6% daripada jumlah import dan kebanyakannya terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, khususnya injap dan tiub termionik serta kereta penumpang dan kenderaan-kenderaan lain. Pada masa yang sama, pendapatan eksport terus meningkat 12% kepada RM23.12 bilion berikutan pemulihan ekonomi Jepun. Eksport utama ke Jepun terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir, yang merangkumi 74% daripada jumlah eksport. Berikutan pertumbuhan eksport melebihi import, defisit perdagangan dengan Jepun terus mengecil kepada RM9 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: - RM9.85 bilion).

Perdagangan luar Malaysia dengan **Singapura**, yang merupakan 14.9% daripada jumlah perdagangan, berkembang 0.7% kepada RM53.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari- Ogos 1998: 15.3%). Eksport meningkat sedikit, iaitu 0.9% kepada RM32.71 bilion (Januari-Ogos 1998: 17.5%), manakala import meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, iaitu 0.2% kepada RM20.79 bilion (Januari-Ogos 1998: 12%). Malaysia terus mencatat lebih perdagangan dengan **Singapura**, iaitu sebanyak RM11.92 bilion. Eksport utama terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, seperti injap dan tiub termionik, perkakas elektronik serta kelengkapan komunikasi. Sementara itu, import utama dari Singapura terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, terutamanya jentera dan elektronik serta alat ganti (63.2%) dan juga bahan mentah yang tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir (13.2%).

Jadual 6.12**Perdagangan Dengan Amerika Syarikat
(Januari-Ogos)**


	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Makanan, minuman ¹ minyak tembakau, dan lemak	0.70	0.73	37.3	4.3	0.64	0.75	-25.6	17.2
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir ²	0.83	0.82	16.9	-1.2	0.58	0.57	16.0	-1.7
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	2.00	2.01	68.1	0.5	3.31	2.91	21.2	-12.1
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan ⁴	31.07	37.03	70.2	19.2	24.17	21.32	49.2	-11.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	5.47	5.43	56.3	-0.7	2.37	1.86	31.7	-21.5
Pelbagai ⁶	0.12	0.09	50.0	-25.0	0.54	0.42	-0.7	-21.6
JUMLAH	40.19	46.11	65.7	14.7	31.61	27.83	39.7	-11.9

¹ Termasuk Kod Piawai Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0,1 dan 4² Termasuk SITC 2 dan 3³ Termasuk SITC 5 dan 6⁴ Termasuk SITC 7 sahaja⁵ Termasuk SITC 8 sahaja⁶ Termasuk SITC 9 sahaja**Jadual 6.13****Perdagangan Dengan Jepun
(Januari-Ogos)**

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.09	0.96	55.7	-11.9	0.06	0.07	-14.3	16.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	6.12	4.77	5.0	-22.1	0.25	0.29	-3.8	16.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.50	3.24	-6.7	29.6	7.02	7.59	13.8	8.1
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	9.27	12.34	29.1	33.1	20.61	21.52	-3.0	4.4
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1.50	1.65	21.0	10.0	1.93	1.76	20.6	-8.8
Pelbagai	0.17	0.16	30.8	-5.9	0.63	0.89	-35.1	41.3
JUMLAH	20.65	23.12	16.3	12.0	30.50	32.12	0.6	5.3

Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 6.9
Imbangan Perdagangan
(Januari - Ogos 1999)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Perdagangan dengan negara-negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) yang merupakan 8.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 9.5% kepada RM29.28 bilion, dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, menggambarkan peningkatan perdagangan duahala di kalangan negara-negara anggota. Nilai eksport meningkat 5.6% kepada RM14.26 bilion, selepas mencatat pertumbuhan ketara, iaitu sebanyak 25.2% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Eksport utama terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta barangan perkilangan. Sementara itu, import dari ASEAN, yang terdiri daripada barangan perkilangan, jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta bahan api galian dan pelincir, meningkat 13.5% kepada RM15.02 bilion. Justeru itu, Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM0.76 bilion dengan ASEAN dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, selepas mengambilkira defisit perdagangan dengan Indonesia (RM1.44 bilion) dan Filipina (RM1.19 bilion).

Jumlah perdagangan dengan **EU**, yang merupakan 13.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 4.5% kepada RM49.74 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: 22.9%). Pendapatan eksport meningkat 8.9% kepada RM31.60 bilion (Januari-Ogos 1998: 52.5%), manakala import berkurangan 2.4% kepada RM18.14 bilion (Januari-Ogos 1998: -5.8%). Dengan ini, Malaysia mencatat lebih perdagangan yang besar dengan EU, iaitu sebanyak RM13.46 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, berbanding dengan lebih sebanyak RM10.45 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Eksport utama terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pejabat serta kelengkapan pengangkutan, yang kesemuanya merangkumi 69.7% daripada eksport ke EU. Sementara itu, sebahagian besar import dari EU adalah jentera serta jentera perindustrian dan alat ganti. Di kalangan negara-negara EU, Belanda merupakan rakan dagangan utama negara, iaitu merupakan 22.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia

Jadual 6.14
Perdagangan Dengan Singapura
(Januari-Ogos)

	Eksport				Import			
	Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)		Nilai (RM Bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	2.22	2.36	29.8	6.3	0.15	0.14	15.4	-6.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.66	1.59	-5.1	-4.2	3.28	2.75	16.7	-16.2
Barang-barang perkilangan, perantaraan	3.53	3.44	26.1	-2.5	2.57	2.69	9.8	4.7
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	22.25	22.45	19.6	0.9	13.01	13.14	19.6	1.0
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	2.00	2.12	1.0	6.0	0.98	1.05	22.5	7.1
Pelbagai	0.74	0.75	0.4	0.9	0.76	1.02	-51.6	34.2
JUMLAH	32.40	32.71	17.5	0.9	20.75	20.79	12.0	0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

dengan EU, diikuti pula oleh United Kingdom (22.3%) dan Jerman (21.5%). Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM9.08 bilion dengan Belanda dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: RM6.56 bilion) dengan import menguncup 25.2% kepada RM1.07 bilion dan eksport berkembang dengan pesat, sebanyak 27% kepada RM10.15 bilion. Pada masa yang sama, eksport ke UK meningkat dengan ketara, sebanyak 13.9% kepada RM7.48 bilion, manakala import meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, sebanyak 4.9% kepada RM3.61 bilion, membolehkan Malaysia mencatat lebih yang besar, iaitu sebanyak RM3.87 bilion (Januari-Ogos 1998: RM3.13 bilion). Eksport ke Jerman berkurangan 13.5% kepada RM4.82 bilion, sementara import pula merosot dengan ketara,

sebanyak 24.8% kepada RM4.80 bilion. Justeru, Malaysia mencatat lebih perdagangan yang lebih rendah dengan Jerman, iaitu sebanyak RM0.02 bilion (Januari-Ogos 1998: -RM0.81 bilion).

Perdagangan luar Malaysia dengan **Negara-negara Perindustrian Baru (NIE)** (tidak termasuk Singapura), yang terdiri daripada Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong SAR meningkat 12.2% kepada RM44.77 bilion, mencerminkan pemulihan ekonomi di negara-negara berkenaan. Perdagangan dengan NIE merangkumi 12.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999. Eksport, yang kebanyakannya terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta bahanapi galian meningkat

Jadual 6.15
Perdagangan Dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Ogos)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM Bilion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	2.60	2.23	98.5	-14.2	0.72	0.54	-20.0	-25.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.53	1.27	24.4	-17.0	0.25	0.31	-30.6	24.0
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.83	2.28	76.9	-19.4	3.80	3.83	-3.3	0.8
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	18.33	22.04	49.8	20.2	12.46	12.11	-6.0	-2.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	3.52	3.59	43.7	2.0	0.96	0.89	4.3	-7.3
Pelbagai	0.22	0.19	10.0	-13.6	0.39	0.46	-40.9	17.9
JUMLAH	29.03	31.60	52.5	8.9	18.58	18.14	-5.8	-2.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

14.4% kepada RM24.32 bilion. Import pula, yang sebahagian besarnya terdiri daripada jentera, peralatan komunikasi dan kelengkapan pengangkutan, meningkat 9.6% kepada RM20.45 bilion (sila lihat jadual 6.16). Justeru itu, Malaysia mencatat lebih perdagangan yang besar, iaitu sebanyak RM3.87 bilion dengan NIE dalam tempoh tersebut (Januari-Ogos 1998: RM2.59 bilion). Taiwan kekal sebagai rakan dagangan utama, iaitu merangkumi 40% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan NIE, diikuti pula oleh Korea Selatan (31.1%) dan Hong Kong SAR (28.9%). Perdagangan dengan Taiwan berkembang 16.5% kepada RM17.89 bilion, dengan eksport meningkat 29.5% kepada RM9.67 bilion, manakala import meningkat 4.2% kepada RM7.89 bilion. Ini membolehkan Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM1.45 bilion (Januari-Ogos 1998: - RM0.42 bilion). Perdagangan dengan

Korea Selatan meningkat sebanyak 15.9% kepada RM13.94 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: - 1.2%). Eksport Malaysia berkembang 30.2% kepada RM5.42 bilion berikutan pemulihan ekonomi yang ketara di Korea Selatan, manakala import meningkat 8.3% kepada RM8.51 bilion. Ini menyebabkan Malaysia mencatat defisit perdagangan dengan Korea Selatan sebanyak RM3.09 bilion. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Hong Kong SAR berkurangan 1.1% kepada RM12.95 bilion, mencerminkan keadaan ekonomi Hong Kong yang lembap. Import merosot 4.9% kepada RM3.72 bilion, sementara eksport meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.4% kepada RM9.23 bilion. Justeru itu, lebih perdagangan dengan Hong Kong meningkat sedikit kepada RM5.51 bilion dalam tempoh tersebut (Januari-Ogos 1998: RM5.27 bilion).

Jadual 6.16

Perdagangan Dengan Negara-negara Ekonomi Perindustrian Baru Asia¹
(Januari-Ogos)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM Billion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM Billion)</i>		<i>Perubahan Tahunan(%)</i>	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.17	1.08	18.2	-7.7	0.15	0.16	-21.1	6.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	3.76	3.43	5.6	-8.8	0.23	0.32	-14.8	39.1
Barang-barang perkilangan, perantaraan	5.29	4.18	28.4	-21.0	4.67	4.64	19.7	-0.6
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	9.89	14.44	18.7	46.0	13.39	14.0	23.1	4.6
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	0.99	1.06	26.9	7.1	0.86	0.88	-2.3	-2.3
Pelbagai	0.15	0.13	-6.3	-13.3	0.36	0.45	-60.4	25.0
JUMLAH	21.25	24.32	18.5	14.4	18.66	20.45	9.6	9.6

¹ Termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jumlah perdagangan Malaysia dengan **Republik Rakyat China** berkembang 13.5% kepada RM10.58 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: 35.1%). Eksport meningkat 20.8% kepada RM5.58 bilion, terutamanya didorong oleh eksport jentera dan perkakas elektrik. Import meningkat 6.4% kepada RM5 bilion. Import utama terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan serta barangan makanan. Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM0.58 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 (Januari-Ogos 1998: - RM0.08 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, jumlah perdagangan dengan **Australia** dan **New Zealand** berkembang masing-masing sebanyak 17% dan 20.6%. Eksport ke Australia meningkat 22.1% kepada RM4.76 bilion, manakala import meningkat 11% kepada RM3.62 bilion, menghasilkan lebih perdagangan sebanyak RM1.14 bilion. Bagi New Zealand, eksport Malaysia meningkat 40% kepada RM0.7 bilion dan import meningkat 5.7% kepada RM0.69 bilion, membolehkan Malaysia mencatat lebih perdagangan sebanyak RM0.01 bilion, berbanding dengan defisit perdagangan yang dicatatkan pada

Jadual 6.17**Haluan Perdagangan Dengan Lain-Lain Rakan Dagangan
(Januari-Ogos)**

	<i>Eksport Nilai (RM Billion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>		<i>Import Nilai (RM Billion)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	1998	1999	1998	1999	1998	1999	1998	1999
ASEAN (termasuk Singapura)	45.91	46.97	19.9	2.3	33.95	35.80	21.3	5.4
China	4.62	5.58	49.0	20.8	4.70	5.00	23.7	6.4
Australia	3.90	4.76	69.6	22.1	3.26	3.62	-4.1	11.0
New Zealand	0.50	0.70	25.0	40.0	0.65	0.69	-0.2	5.7
Asia Barat	4.0	3.58	53.8	-10.5	1.35	1.94	35.0	43.7
Eropah Tengah & Timur	0.46	0.47	109.1	2.2	0.19	0.21	-29.6	10.5
Asia Selatan ¹	7.38	7.11	105.0	-3.7	1.43	1.41	0.7	-1.4
Afrika	1.37	2.40	5.4	75.2	0.79	0.77	-21.0	-2.5
JUMLAH	68.1	71.6	31.5	5.0	46.3	49.4	17.1	6.7

¹ terutamanya India, Pakistan dan Sri Lanka

tempoh yang sama tahun 1998. Eksport ke Australia dan New Zealand kebanyakannya terdiri daripada minyak kelapa sawit, getah, timah, petroleum mentah dan kayu gergaji manakala sebahagian besar daripada import dari kedua-dua negara ini terdiri daripada keluaran tenusu, gandum dan daging.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999, jumlah perdagangan Malaysia dengan **Asia Selatan** berkurangan, sebaliknya meningkat dengan **Asia Barat**. Walau bagaimanapun, Malaysia terus mencatat lebih perdagangan dengan kedua-dua rantau ini, masing-masing berjumlah RM5.7 bilion (Januari-Ogos 1998 : RM5.95 bilion) dan RM1.64 bilion (Januari-Ogos 1998: RM2.65 bilion).

Imbangan Pembayaran

Kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran dijangka terus kukuh pada tahun 1999 dengan mencatat lebih bagi tahun kedua berturut-turut. Kedudukan yang kukuh ini disebabkan oleh lebih akaun barangan yang besar, yang jauh melebihi defisit akaun perkhidmatan yang berterusan. Akaun modal dijangka mencatat aliran masuk bersih yang besar, disebabkan oleh peningkatan aliran masuk bersih jangka panjang, khususnya modal rasmi jangka panjang. Justeru itu, akaun asas dijangka mencatat lebih yang besar pada tahun 1999. Dengan andaian aliran keluar bersih modal jangka pendek yang besar, kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran dijangka mencatat lebih yang besar.

Ini membolehkan rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia dijangka terus meningkat pada akhir tahun 1999.

Akaun Semasa

Eksport barangan, yang dinilai dengan f.o.b., dijangka meningkat 6.7% kepada RM300.9 bilion pada tahun 1999 (1998: 29.5%). Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang dijangka sebanyak 10.6% kepada RM263.5 bilion. Walau bagaimanapun, nilai eksport komoditi pertanian dijangka berkurangan 15.4% kepada RM22.8 bilion berikutan harga-harga komoditi yang rendah. Sementara itu, **import barangan** pada harga c.i.f., dijangka meningkat dengan lebih pesat, iaitu 6.5% kepada RM226.8

bilion (1998: 2.7%), disebabkan oleh import barangan perantaraan dan penggunaan yang tinggi. Namun begitu, dengan nilai eksport barangan yang secara relatifnya meningkat dengan lebih pesat daripada import, akaun barangan dijangka mencatat lebihan yang besar, iaitu sebanyak RM74.1 bilion pada tahun 1999 (1998: RM69 bilion).

Akaun perkhidmatan dijangka terus mencatat defisit sebanyak RM25.1 bilion, berbanding dengan defisit sebanyak RM22.3 bilion pada tahun 1998. Sebagaimana tahun-tahun lepas, defisit ini disebabkan oleh aliran keluar bersih pendapatan pelaburan yang besar serta bayaran bersih bagi fret dan insuran. **Pendapatan pelaburan** kekal sebagai komponen terbesar defisit akaun perkhidmatan dengan menyumbang 76.2% daripada aliran keluar bersih akaun perkhidmatan.

Jadual 6.18
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1998			1999 ^a			2000 ^r
	+	-	Bersih	+	-	Bersih	Bersih
Akaun Barangan (Eksport & import fob)	281,947	212,939	69,008	300,917	226,790	74,127	69,776
Akaun Perkhidmatan	48,605	70,943	-22,338	48,893	73,976	-25,083	-27,495
Fret dan Insurans	4,129	12,564	-8,435	4,267	14,025	-9,758	-9,980
Pengangkutan Lain	6,547	4,279	2,268	6,890	4,511	2,379	2,563
Perjalanan	9,342	6,272	3,070	10,750	6,365	4,385	4,270
Pendapatan Pelaburan	5,308	20,125	-14,817	5,395	22,985	-17,590	-19,970
Urusniaga Kerajaan	331	546	-215	341	560	-219	-235
Perkhidmatan Lain	22,948	27,157	-4,209	21,250	25,530	-4,280	-4,143
Akaun Barangan Dan Perkhidmatan	330,552	283,882	46,670	349,810	300,766	49,044	42,281
Bayaran Pindahan	2,945	12,821	-9,876	2,984	10,138	-7,034	-6,450
Akaun Semasa	333,467	296,703	36,794	352,794	310,784	42,010	35,831

^a Anggaran

^r Ramalan

Bayaran kasar pendapatan pelaburan dijangka meningkat 14.2% kepada RM23 bilion (1998: -4.5%), terutamanya disebabkan oleh penghantaran keluar keuntungan dan dividen berikutan pendapatan eksport syarikat-syarikat asing yang tinggi, khususnya dalam industri elektronik. Pada masa yang sama, terimaan kasar pendapatan pelaburan, yang terdiri daripada terimaan aset luar negeri oleh Bank Negara dan pendapatan dari pelaburan oleh rakyat Malaysia di luar negeri, termasuk sektor perbankan, dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 1.6% kepada RM5.4 bilion (1998: -17.6%). Justeru itu, aliran keluar bersih pendapatan pelaburan dijangka meningkat kepada RM17.6 bilion.

Aliran keluar bersih **fret dan insurans** dijangka meningkat dari RM8.4 bilion pada tahun 1998 kepada RM9.7 bilion pada tahun 1999. Bayaran kasar bagi fret dan insurans dijangka meningkat 11.6% kepada RM14 bilion (1998: 1.8%). Sepertimana tahun-tahun lepas, bayaran yang besar bagi fret dan insurans disebabkan terutamanya oleh ketidakupayaan industri perkapalan dan insurans dalam negeri untuk memenuhi permintaan berikutan peningkatan jumlah perdagangan luar Malaysia. Namun begitu, pendapatan daripada fret dan insurans dijangka meningkat 3.3% kepada RM4.3 bilion pada tahun 1999 (1998: 29.9%), selaras dengan peningkatan jumlah kargo.

Aliran keluar "**perkhidmatan lain**" yang terdiri daripada bayaran kontrak dan perkhidmatan profesional, yuran pengurusan dan agensi, bayaran royalti, yuran francais, komisyen serta gaji dan elaun kepada bukan pemastautin dijangka stabil, iaitu sebanyak RM4.3 bilion pada tahun 1999. Bayaran kasar bagi perkhidmatan ini dijangka berkurangan 6% kepada RM25.5 bilion pada tahun 1999 (1998: -4.5%) berikutan permintaan ke atas perkhidmatan profesional asing yang berkurangan, disebabkan penguncupan aktiviti-aktiviti pembinaan serta pelaburan swasta yang berkurangan pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, terimaan bagi eksport perkhidmatan lain dijangka berkurangan 7.4% kepada RM21.2 bilion (1998: -6.9%).

Akaun urusanniaga Kerajaan dijangka mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM219 juta pada tahun 1999, selepas mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM215 juta pada tahun 1998. Bayaran kasar, yang sebahagian besarnya terdiri daripada

perbelanjaan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri dan bantuan teknikal kepada negara-negara dunia ketiga, dijangka meningkat 3% kepada RM341 juta (1998: 7.5%). Pada masa yang sama, jumlah terimaan urusanniaga Kerajaan dijangka meningkat 2.6% kepada RM560 juta (1998: 19.2%), berikutan perbelanjaan yang besar kedutaan-kedutaan asing di Malaysia.

Akaun perjalanan dijangka terus kukuh, dengan mencatat aliran masuk bersih yang besar, iaitu sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 1999 (1998: RM3.1 bilion). Terimaan kasar dijangka meningkat 15.1% kepada RM10.8 bilion pada tahun 1999 (1998: -11.2%). Ini disebabkan oleh peningkatan bilangan pelancong yang melawat Malaysia sebanyak 7.1% kepada 6 juta pelancong pada tahun 1999 (1998: -9.7%). Sementara itu, bayaran kasar dijangka hanya meningkat 1.5% kepada RM6.4 bilion, berikutan langkah Kerajaan mengurangkan bilangan pelajar Malaysia di luar negeri serta usaha-usaha menggalakkan rakyat Malaysia melancong di dalam negeri.

Bagi perkhidmatan **pengangkutan lain**, yang terdiri daripada bayaran penumpang, bayaran pelabuhan dan lapangan terbang, bayaran minyak serta yuran sewa khas, aliran masuk bersih dijangka meningkat sedikit kepada RM2.4 bilion pada tahun 1999 (1998: RM2.3 bilion). Terimaan kasar dijangka meningkat 5.2% kepada RM6.9 bilion pada tahun 1999 (1998: 5.2%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan pendapatan industri penerbangan Malaysia berikutan meningkatnya jumlah jualan tiket kepada pelawat asing. Sementara itu, jumlah bayaran kasar bagi perkhidmatan pengangkutan lain dijangka meningkat 5.4% kepada RM4.5 bilion, berbanding dengan penguncupan 4.4% pada tahun 1998. Ini sebahagiannya disebabkan oleh bayaran pelabuhan dan lapangan terbang serta perbelanjaan minyak yang besar yang dibayar oleh syarikat perkapalan dan penerbangan nasional di luar negeri.

Aliran keluar bersih yang berkaitan dengan **bayaran pindahan** dijangka berkurangan pada tahun 1999, iaitu sebanyak RM7 bilion, berbanding dengan aliran keluar bersih sebanyak RM9.9 bilion pada tahun 1998. Jumlah bayaran pindahan kasar dijangka berkurangan 21.9% kepada RM10 bilion pada tahun 1999 (1998: RM12.8 bilion),

terutamanya disebabkan oleh pengurangan penghantaran keluar wang oleh pekerja asing memandangkan bilangan pekerja asing berkurangan berikutan penguncupan ekonomi pada tahun 1998. Pada masa yang sama, terimaan bayaran pindahan dari luar negeri dijangka meningkat 3.4% kepada RM3 bilion pada tahun 1999 (1998: RM2.9 bilion), terutamanya dari rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri.


Justeru itu, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang besar, kira-kira RM42 bilion atau 15% daripada KNK pada tahun 1999 (1998: RM36.8 bilion atau 13.7% daripada KNK).

Akaun Modal

Akaun modal jangka panjang dijangka mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM11.5 bilion pada tahun 1999, berbanding dengan RM10.6 bilion pada tahun 1998. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh aliran masuk bersih **modal rasmi jangka panjang** yang ketara, iaitu sebanyak RM5.3 bilion pada tahun 1999 (1998: RM2.1 bilion), berikutan pinjaman luar negeri yang besar oleh Kerajaan Persekutuan dan Perusahaan awam Bukan Kerajaan (PABK). Pinjaman ini termasuk penjualan global bon sebanyak AS\$1 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dan penjualan bon yang diurusniagikan dalam AS\$ sebanyak AS\$650 juta oleh PETRONAS. Pinjaman kasar oleh Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 30% kepada RM5.2 bilion pada tahun 1999. Pada masa yang sama, pinjaman luar negeri oleh beberapa PABK terus besar, iaitu sebanyak RM6.1 bilion pada tahun 1999. Sementara itu, aliran masuk bersih **pelaburan swasta jangka panjang** dijangka berkurangan kepada RM6.2 bilion pada tahun 1999 (1998: RM8.5 bilion). Ini disebabkan oleh peningkatan bayaran balik hutang luar oleh sektor swasta berikutan penstrukturan semula hutang serta pelaburan Malaysia di luar negeri yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pelaburan asing langsung bersih di Malaysia dijangka meningkat kepada RM10.7 billion.

Berikutan lebihan akaun barangan dan akaun modal jangka panjang yang besar, **imbangan asas** dijangka mencatat lebihan yang ketara, iaitu

Carta 6.10
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia ^{1/}



^{1/} Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember

^{2/} RM = ¥ 100

^{3/} Pada September 1999

↓ Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
↑ Penurunan nilai Ringgit Malaysia

sebanyak RM53.5 bilion pada tahun 1999 (1998: RM47.4 bilion). Dengan andaian aliran keluar bersih modal jangka pendek sebanyak RM22 bilion berikutan para pengurus dana asing membawa keluar keuntungan modal dan pertukaran asing serta mengambilkira ralat dan ketinggalan, termasuk kerugian pertukaran asing sebanyak RM5.4 bilion, **imbangan keseluruhan** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih banyak RM26.1 bilion pada tahun 1999 (1998: RM40.3 bilion). Justeru itu, rizab antarabangsa bersih yang dipegang oleh BNM dijangka meningkat kepada RM125.5 bilion atau AS\$33 bilion pada akhir tahun 1999 (akhir tahun 1998: RM99.4 bilion). Kedudukan rizab ini mampu untuk membiayai 6.5 bulan import tertangguh.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Sejak 2 September 1998, kadar pertukaran ringgit telah ditetapkan pada RM1=USD0.2632 (US\$1 = RM3.80). Nilai ringgit bertambah kukuh berbanding kebanyakan mata wang asing utama, seperti deuschemark, pound sterling dan dolar Singapura pada akhir September 1999 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1998. Walau bagaimanapun, pada tempoh yang sama, nilai ringgit menyusut berbanding nilai yen. Ini adalah selaras dengan pengukuhan nilai yen berbanding dolar Amerika Syarikat disebabkan aliran masuk dana ke pasaran aset Jepun, hasil bon yang semakin meningkat serta pemulihan sentimen perniagaan di Jepun.

Jadual 6.19

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

<i>RM kepada satu unit mata wang asing¹</i>	<i>Akhir 1998</i>	<i>Akhir September 1999</i>	<i>% perubahan</i>
Dolar AS	3.8000	3.8000	0.0
Pound Sterling	6.3313	6.2495	1.3
Deuschemark (100)	226.40	206.86	9.4
Yen Jepun (100)	3.3141	3.5582	-6.9
Dolar Singapura	2.2879	2.2317	2.5
Baht Thai (100)	10.3613	9.2548	12.0
Peso Filipina (100)	9.7064	9.2966	4.4
Rupiah Indonesia (100)	0.0475	0.0462	2.8

¹ Kadar antara bank pada 12.00 tengahari di Kuala Lumpur merupakan purata di antara harga belian yang paling tinggi dan harga jualan yang paling rendah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berbanding mata wang asing serantau, nilai ringgit meningkat berbanding baht Thai, peso Filipina dan rupiah Indonesia dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999. Ringgit terus berdaya saing seperti dicerminkan oleh lebih perdagangan bagi 22 bulan berturut-turut yang dicatatkan sejak November 1997 sehingga Ogos 1999.